



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 1999**

---

**IMBUHAN TAHUNAN 1999**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan kerajaan untuk memberi Imbuan Tahunan kepada anggota perkhidmatan awam persekutuan bagi tahun 1999.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan bagi tahun 1999 dibayar kepada anggota perkhidmatan awam persekutuan sebagai tanda penghargaan kerajaan ke atas sumbangan dan khidmat bakti mereka kepada negara.  
Kadar yang diputuskan adalah sebanyak satu bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000.00. Kadar Imbuan Tahunan ini adalah termasuk Bantuan Khas Kewangan yang diberi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1999.

**PELAKSANAAN**

**Anggota Yang Layak**

3. Imbuan Tahunan dibayar kepada anggota tetap (anggota di bawah Sistem Saraan Baru dan Jawatankuasa Kabinet 1976), sementara, sangkut, sambilan, kontrak (termasuk anggota bagi projek khas Kerajaan) dan guru sandaran yang berkhidmat dalam tahun 1999.

4. Anggota lain yang layak Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut –
- a. anggota yang bercuti separuh gaji termasuk cuti belajar ;
  - b. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut –
    - (i) amaran untuk anggota awam;
    - (ii) amaran atau amaran keras untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
    - (iii) amaran untuk Anggota Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celan atau celan keras untuk Anggota Rendah Polis dan Konstabel serta Anggota Rendah Polis dan Konstabel Tambahan.
  - c. pemandu yang dilantik oleh anggota Jawatan Utama ‘B’ dan ke atas serta Gred Khas ‘A’ yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh Jabatannya; dan
  - d.. anggota kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

### **Anggota Yang Tidak Layak**

5. Anggota yang berkhidmat dalam tahun 1999 tetapi tidak layak Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut–
- a. anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf;
  - b. anggota kontrak yang bergaji lebih daripada RM4,980.00 yang dianggap setaraf dengan anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
  - c. anggota yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 1999;
  - d. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii);
  - e. anggota yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
  - f. anggota yang dipinjamkan ke badan-badan antarabangsa dan syarikat swasta sepanjang tahun 1999;
  - g. anggota yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 1999; dan
  - h. Kakitangan Ambilan Tempatan pejabat perwakilan di luar negeri.

### **Anggota Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan**

6. Anggota yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib,  
**ditangguhkan** pemberian Imbuhan Tahunannya. Anggota hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati anggota tersebut tidak bersalah atau anggota hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii).

### **Kaedah Pembayaran**

7. Kadar Imbuhan Tahunan adalah sebanyak sebulan gaji atau RM1,000.00 bagi anggota yang menerima gaji kurang daripada RM1,000.00 sebulan.
8. Bayaran Imbuhan Tahunan dibuat secara **penuh** bagi anggota yang berkhidmat mulai Januari hingga Disember 1999 dengan ditolak Bantuan Khas Kewangan RM600.00 yang diterima oleh anggota. Imbuhan Tahunan penuh adalah berdasarkan gaji bulan Disember 1999.
9. Manakala bagi anggota yang berkhidmat kurang daripada 12 bulan pada tahun 1999, bayaran Imbuhan Tahunan adalah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji akhir diterima pada tahun 1999 dengan ditolak Bantuan Khas Kewangan yang diterima oleh anggota.
10. Sekiranya jumlah Imbuhan Tahunan setelah ditolak Bantuan Khas Kewangan 1999 adalah negatif maka jumlah tersebut tidak perlu dikutip balik daripada anggota.
11. Bagi tujuan pembayaran Imbuhan Tahunan, maksud gaji anggota adalah termasuk juga perkara-perkara berikut -
- a. elaun Pemangkuan bagi anggota yang memangku;
  - b. gaji yang diberi atas sebab pinjaman bagi anggota yang dipinjamkan ;
  - c. pendahuluan gaji lapan peratus, jika ada, bagi anggota di bawah Jawatankuasa Kabinet 1976.
12. Anggota yang bersara/ meninggal dunia/ letak jawatan/ tamat perkhidmatan/ tamat kontrak, tempoh perkiraan Imbuhan tahunan secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.
13. Tempoh anggota tidak dibayar gaji sepanjang sesuatu bulan tidak diambilkira dalam perkiraan Imbuhan Tahunan. Bagi

anggota yang bercuti tanpa gaji, tempoh perkiraan Imbuhan Tahunan secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan.

14. Anggota yang bersara dalam tahun 1999 dan dilantik semula sebagai anggota sementara atau anggota kontrak, dibayar Imbuhan Tahunan secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara, dan gaji atas jawatan sementara atau kontrak.
15. Anggota yang dinaikkan pangkat/ dipinjamkan/ ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan pada pertengahan bulan, perkiraan Imbuhan Tahunan bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.
16. Bagi anggota sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan kecuali 19 hari dalam bulan Februari 1999.
17. Imbuhan Tahunan ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji anggota pada tahun 1999.
18. Anggota yang layak akan dibayar dalam empat ansuran iaitu maksimum RM400.00 pada bulan November 1999 dan bakinya dibayar sama rata pada bulan Disember 1999, Januari dan Februari 2000.
19. Contoh pelaksanaan Imbuhan Tahunan adalah seperti di [LAMPIRAN](#).

#### **JABATAN YANG MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN**

20. Bagi anggota yang berkhidmat di beberapa Jabatan, pembayaran ansuran Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan di mana anggota ditempatkan pada bulan pembayaran.

#### **PERUNTUKAN KEWANGAN**

21. Pegawai Pengawal adalah diminta berunding dengan Kementerian Kewangan mengenai peruntukan yang diperlukan.


## **TARIKH KUATKUASA**

22. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

23. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

20 November 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

CONTOH PELAKSANAAN IMBUHAN TAHUNAN

1. Imbuhan Tahunan **penuh** bagi anggota yang berkhidmat mulai 1 Januari 1999 hingga 31 Disember 1999.

- a. Gaji : Lebih RM1,000.00

Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuhan Tahunan :  
( 12/12 x gaji ) – RM600.00

- b. Gaji : RM1,000.00 dan kurang

Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuhan Tahunan :  
( 12/12 x RM1,000.00 ) – RM600.00

2. Imbuhan Tahunan **proportionate** bagi anggota yang berkhidmat kurang 12 bulan pada tahun 1999.

- a. Anggota yang baru dilantik atau berkhidmat semula di Jabatan Kerajaan setelah tamat tempoh pinjaman di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta

- i. Pada 15 Oktober 1999  
Gaji : Lebih RM1,000.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM300.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 2/12 x gaji ) – RM300.00

- ii. Pada 1 Februari 1999  
Gaji : RM1,000.00 dan kurang  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 11/12 x RM1,000.00 ) – RM600.00

- b. Anggota yang bersara/ meninggal dunia/ letak jawatan/ tamat perkhidmatan/ tamat kontrak.
  - i. Pada 16 Ogos 1999  
Gaji Akhir : Lebih RM1,000.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM100.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 7/12 x gaji ) – RM100.00
  - ii. Pada 9 Februari 1999  
Gaji Akhir : RM1,000.00 dan kurang  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : Tiada  
Layak Imbuhan Tahunan:  
1/12 x RM1,000.00

3. Anggota yang bersara (dibayar pencen) dan dilantik berkhidmat semula.

- a. Bersara pada 28 Mac 1999, Gaji : RM3,426.00  
Dilantik semula pada 16 Ogos 1999, Gaji : RM3,724.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : Tiada  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 2/12 x RM3,426.00 ) + ( 4/12 x RM3,724.00 )
- b. Bersara pada 4 Ogos 1999, Gaji : RM3,426.00  
Dilantik semula pada 16 Ogos 1999, Gaji : RM3,724.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM100.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 7/12 x RM3,426.00 ) + ( 4/12 x RM3,724.00 ) – RM100.00

4. Anggota mengambil **cuti tanpa gaji**

- a. Mulai 1 Januari 1999 hingga 3 November 1999  
Gaji : RM1,729.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 1/12 x RM1,729.00 ) – RM600.00
- b. Mulai 15 Mac 1999 hingga 21 Ogos 1999  
Gaji : RM870.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuhan Tahunan:  
( 6/12 x RM1,000.00 ) – RM600.00

5. Anggota mengambil **cuti separuh gaji** mulai 16 Ogos 1999 hingga 15 Oktober 1999

a. Gaji : RM3,173.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuan Tahunan:  
 $(9/12 \times \text{RM}3,173.00) + (3/12 \times \text{RM}1,586.50) - \text{RM}600.00$

b. Gaji : RM1,014.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuan Tahunan:  
 $(9/12 \times \text{RM}1,014.00) + (3/12 \times \text{RM}1,000.00) - \text{RM}600.00$

6. Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh mulai 1 Januari 1998 hingga 31 Julai 1999 dan diberi **pergerakan gaji secara isyarat** semasa berkursus.

a. Gaji Semasa Berkursus : RM1,400.00  
Gaji Isyarat : RM1,465.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuan Tahunan :  
 $[(7/12 \times \text{RM}1,400.00) + (5/12 \times \text{RM}1,465.00)] - \text{RM}600.00$

b. Gaji semasa Berkursus : RM997.00  
Gaji Isyarat : RM1,045.00  
Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM600.00  
Layak Imbuan Tahunan:  
 $[(7/12 \times \text{RM}1,000.00) + (5/12 \times \text{RM}1,045.00)] - \text{RM}600.00$

7. **Anggota sambilan** yang bekerja selama 3 bulan

a. Gaji RM50.00 sehari dengan gaji purata sebulan melebihi RM1,000.00

Bulan Jun : 24 hari x RM50.00 = RM1,200.00

Bulan Julai : 23 hari x RM50.00 = RM1,150.00

Bulan Ogos : 21 hari x RM50.00 = RM1,050.00

JUMLAH RM3,400.00

Gaji purata sebulan =  $\text{RM}3,400.00 \div 3 = \text{RM}1,133.33$

Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM200.00

Layak Imbuhan Tahunan :

$$(3/12 \times \text{RM}1,133.33) - \text{RM}200.00$$

- b. Gaji RM30.00 sehari dengan gaji purata sebulan RM1,000.00 dan kurang

$$\text{Bulan Jun : } 21 \text{ hari} \times \text{RM}30.00 = \text{RM}630.00$$

$$\text{Bulan Julai : } 24 \text{ hari} \times \text{RM}30.00 = \text{RM}720.00$$

$$\text{Bulan Ogos : } 23 \text{ hari} \times \text{RM}30.00 = \underline{\text{RM}690.00}$$

JUMLAH RM2,040.00

$$\text{Gaji purata sebulan} = \text{RM}2,040.00 \div 3 = \text{RM}680.00$$

Bantuan Khas Kewangan yang dibayar : RM200.00

Layak Imbuhan Tahunan :

$$(3/12 \times \text{RM}1,000.00) - \text{RM}200.00$$

8. Imbuhan Tahunan tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji anggota pada tahun 1999.

Penjelasan :

Surat kenaikan pangkat adalah bertarikh tahun 2000.

Kenaikan pangkat dikebelakangkan pada tahun 1999.

Imbuhan Tahunan tidak boleh diselaraskan

9. Anggota kontrak yang terputus perkhidmatan melebihi satu hari dalam sesuatu bulan sebelum disambung semula kontraknya adalah **tidak layak** diberi Imbuhan Tahunan bagi **bulan yang terputus** kontraknya itu.
10. Anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi tidak layak Imbuhan Tahunan tetapi layak Bayaran Khas Prestasi.
11. Hakim, Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya dan Tribunal Perkhidmatan Awam, Yang Dipertua dan Pengerusi Mahkamah Persekutuan, Ketua Audit Negara, Peguam Negara, Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen, dan Setiausaha Politik **tidak layak** Imbuhan Tahunan dan juga Bayaran Khas Prestasi.